

Denggi di Selangor kritikal.

Sinar 12/2/14 MS 12.

SHAH ALAM - Selangor mencatatkan sebanyak 6,582 kes denggi yang direkodkan dari 1 Januari hingga semalam iaitu daerah Petaling sebanyak 2,493 kes diikuti Hulu Langat 1,849 kes dan Kelang dengan 836 kes termasuk empat kematian.

Ketua Kawalan Penyakit, Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat, Dr. Mohd Nasir Habib menyifatkan kes denggi Selangor sebagai kritikal dan membimbangkan.

"Tahap kesedaran masyarakat masih rendah mengenai bahaya wabak denggi dan keadaan persekitaran kediaman yang tidak terurus memburukkan lagi keadaan," katanya dipetik Malaysia Gazette selepas Operasi Ops Gempur Aedes 2014, semalam.

Menurutnya, mentaliti rakyat masih tidak berubah dan sentiasa menuding jari kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) selain lupa peranan sendiri dalam membendung wabak denggi dengan menjaga persekitaran di kediaman.

"Kami akan bertindak lebih serius selepas ini tanpa sebarang kompromi dengan menguatkuasakan undang-undang kesihatan bagi men-

didik masyarakat tempatan mengenai kesedaran menghapus tempat pembiakan nyamuk," katanya.

Kompaun RM500 dikenakan dengan denda maksimum RM10,000 serta penjara jika terbukti bersalah kepada penduduk yang menyebabkan pembiakan nyamuk Aedes dan boleh dibawa ke mahkamah.

Dalam perkembangan berkaitan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menasarkankan 1,997 premis untuk tujuan pemeriksaan bagi mencegah penularan wabak denggi.

Timbalan Yang Dipertuanya, Abdul Hamid

Husain berkata, sehingga semalam, hanya empat kes didaftarkan sepanjang 20 hari dengan penurunan jumlah kes berbanding 2013.

"Jika dibandingkan pada tahun 2013, jumlah kes denggi yang dilaporkan mencecah 49 kes sepanjang kiraan tempoh 108 hari," katanya.

Menurutnya, setakat ini, MPAJ sudah memeriksa 782 premis dengan 14 kompaun dikeluarkan.

"Saya berharap agar wabak ini tidak berulang dan kes juga tidak meningkat naik memandangkan Selangor merupakan 'hot spot' bagi wabak denggi," katanya.



Pegawai kesihatan Pejabat Kesihatan Hulu Langat memeriksa persekitaran kediaman di kaki lima Pangsapuri Seri Nilam, Ampang semasa Ops Gempur Aedes 2014, semalam.